

PNB taja 23 pelajar cemerlang A-Level

Kuala Lumpur: Seramai 23 pelajar cemerlang peperiksaan A-Level ditawarkan Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI).

Ia bagi membolehkan keseluruhan pelajar kumpulan ke-22 ambilan 2018 yang mengikuti persediaan di Kolej Yayasan UEM itu melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS) dan Australia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Ahmad Zulqarnain Onn, berkata inisiatif menerusi Onn pendidikan itu bertujuan menyediakan akses kepada pengajian berkualiti tinggi kepada pelajar cemerlang.

Selain itu, katanya, inisiatif berkenaan juga bertujuan membangunkan tenaga kerja mahir untuk menyokong pertumbuhan PNB, pada masa depan.

“Inisiatif ini juga mendukung hasrat untuk membina barisan pemimpin masa depan berkualiti bagi PNB dan negara.

“Kami berbesar hati dapat memberi peluang kepada pelajar tajaan PNB untuk mencapai matlamat pendidikan dan cita-cita mereka,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Pra-Keberangkatan Penerima Anugerah Biasiswa Luar Negara



Ahmad Zulqarnain (dua dari kiri) beramah mesra bersama penerima tajaan Majlis Pra-Keberangkatan Penerima Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB dan YTI di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

PNB dan YTI di sini, semalam.

Biasiswa itu diberikan bagi bidang tumpuan pada disiplin berkaitan portfolio perniagaan PNB seperti perakaunan, kewangan, undang-undang, matematik, sains aktuari dan kejuruteraan.

Sementara itu, penerima biasiswa, Mohamed Aqil Azmi, 20, berkata dia gembira apabila diberi peluang melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana Muda Matematik dan Falsafah di Harvard College, AS.

“Saya berterima kasih kepada PNB kerana memberi peluang dan memudahkan perjalanan un-

kas mencapai impian saya,” katanya yang juga bekas pelajar di Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam, Selangor.

Bagi anak kelahiran Kampung Olak Lempit, Banting, Selangor, Amira A'lya Shaharim, 20, dia sangat teruja apabila ditawarkan tajaan bagi mengikuti pengajian Kejuruteraan Awam di Universiti College London, UK.

“Saya sedar persaingan untuk mendapatkan tajaan bagi pengajian di universiti di luar negara sangat sengit dan tak akan sia-siakan peluang ini,” kata be-

kas pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Ghafar Baba, Jasin, Melaka.

Seorang lagi penerima biasiswa, Muhammad Taufiq Afifi Saidi, 20, berkata usaha berte-rusan dan dorongan daripada keluarga selama ini membuahkan hasil apabila ditawarkan tajaan berkenaan.

“Saya akan mengikuti pengajian dalam bidang Ekonomi di London School of Economics and Political Science, UK, dan akan menggunakan peluang ini sepenuhnya untuk berjaya dalam bidang diminati,” katanya.